

▶ 100 KELUARGA

hidup dalam ketakutan selepas
benteng penahan ombak pecah

▶ 150 METER

jarak penempatan
penduduk dengan benteng



Benteng yang paling hampir dengan penempatan penduduk juga **hampir pecah menyebabkan penduduk hidup dalam ketakutan**. Gambar kecil, penduduk menunjukkan benteng penahan ombak yang sudah pecah.

[FOTO MOHD SHUKOR MOHD AMIN / BH]

Hidup dalam ketakutan

» **Benteng penahan ombak pecah, penduduk bimbang dilanda air pasang besar**

Oleh Mohd Shukor Amin
bhnews@bh.com.my

► **Sungai Besar**

Kira-kira 100 keluarga di perkampungan nelayan Kampung Sungai Haji Dorani, di sini, hidup dalam ketakutan selepas benteng penahan ombak berdekatan kampung mereka pecah.

Kerosakan benteng konkrit itu menyebabkan ombak besar dan air pasang semakin menghampiri kawasan penempatan penduduk yang terletak kira-kira 150 meter dari benteng berkenaan, sekali gus menyebabkan rumah mereka terde-

dah kepada laut.

Penduduk, Abd Rahman Saad, 39, berkata keadaan benteng pertama pantai yang sudah pecah menyebabkan air laut melimpah melepasi benteng kedua ketika berlaku air pasang besar.

Tiada lagi pokok bakau

Beliau turut mempersoalkan ke mana perginya pokok bakau yang sebelum ini tumbuh subur di sepanjang pantai berhampiran kampung itu, sama ada ia musnah akibat pembalakan haram atau sebaliknya.

"Pihak berkuasa perlu membuat siasatan dan mengambil tindakan segera. Pembinaan kolam takungan air untuk kegunaan kolam udang di pinggir pantai turut dipercayai menyebabkan benteng yang dibina menjadi sempit serta mudah dipecahkan ombak," katanya.

Terletak dalam Mukim Panchang Bedena daerah Sabak Bernam, majoriti penduduk Kampung Sungai Haji Dorani berbangsa Melayu dari suku kaum Jawa, Banjar, Melayu dan Kampar serta



“**Pembinaan kolam takungan air untuk kegunaan kolam udang di pinggir pantai turut dipercayai menyebabkan benteng yang dibina menjadi sempit serta mudah dipecahkan ombak**”

Abd Rahman Saad,
Penduduk

bangsa Tionghua dan India.

Selain menjadi nelayan pantai, penduduk menyara hidup dengan mengerjakan sawah padi, berkebun, berniaga dan bekerja dalam sektor awam serta swasta.

Terpaksa pindah

Seorang lagi penduduk, Aziz Mahidin, 58, berkata penduduk kampung tidak ada pilihan lain selain daripada berpindah berikutan masalah itu turut membahayakan nyawa mereka.

"Kami bimbang dilanda banjir setiap dua minggu, apabila berlaku air pasang besar lebih-lebih lagi jika angin kuat yang menyebabkan ombak besar," katanya.

Sementara itu, Ahli Undangan Negeri (ADUN) Sungai Panjang, Budiman Mohd Zohdi, menggesa kerajaan negeri dan agensi bertanggungjawab segera turun padang menyelesaikan masalah berkenaan.

"Kita tidak mahu bila ada nyawa melayang, baru semua hendak turun. Sekarang musim hujan, kita risau jika berlaku ombak kuat," katanya.